

KUANG RAYA
Great Argus

FAMILI: Phasianidae
NAMA SAINTIFIK: *Argusianus argus*



CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai kulit berwarna biru pada bahagian muka dan leher, serta bulu jambul pada atas kepala berwarna hitam. Warna bulu secara keseluruhannya adalah coklat lusuh, berbintik-bintik hitam dan putih. Kaki berwarna kuning, manakala burung jantan mempunyai ekor yang panjang dan boleh dikembangkan untuk menarik perhatian betina semasa musim mengawan manakala betina berekor pendek. Burung ini adalah besar dengan ukuran di antara 160-203 sm panjang bagi individu jantan manakala bagi individu betina, panjangnya adalah di antara 72-76 sm.

MAKANAN

Ia memakan invertebrata, biji-bijian, pucuk tumbuhan, biji benih, buah-buahan yang jatuh seperti buah ara, dan lain-lain lagi.

HABITAT

Burung kuang ini boleh dijumpai di hutan dipterokap hingga ke ketinggian 900 m.

BUNYI

Individu jantan spesies ini akan mengembangkan bulu ekornya yang panjang untuk menarik perhatian betina semasa musim mengawan apabila cukup matang untuk mengawan. Selain itu, jantan spesies ini juga mengeluarkan bunyi yang kuat dan beresonan iaitu *kwow-wow* dan kebiasannya menduduki satu-satu bukit sebagai kawasan kawalannya.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Mac hingga Ogos setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang terletak di antara celah banir pokok, atau di atas tunggul pokok yang ditimbuni dengan sarap hutan hingga 1.5 m tinggi dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
CITES, appendiks 2.